

# Ahli UMNO diminta dedahkan bukti salah laku Anwar <sup>12</sup>

8 NOV 1999  
SHAH ALAM 7 NOV. — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar meminta ahli-ahli parti di negeri ini yang mempunyai bukti mengenai salah laku bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mendedahkannya sekarang.

Beliau yang juga Menteri Besar menambah, pendedahan itu bagaimanapun memerlukan beberapa syarat seperti dokumentasi yang boleh dijadikan bukti yang kukuh selain perlu dirujuk kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terlebih dahulu.

Menurutnya, beliau juga akan memaklumkan perkara ini kepada kesemua ketua-ketua bahagian UMNO Selangor dalam mesyuarat badan perhubungannya pada dua hari lagi.

“Sekiranya ada bahagian-bahagian yang pernah disogok oleh bekas Timbalan Presiden itu (Anwar) mereka boleh mendedahkannya sekarang,” ujarnya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis perayaan Deepavali di kediaman salah seorang Exconya, Datuk K. Sivalingam di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas pendedahan beberapa pihak mengenai salah laku Anwar ketika

berada di dalam UMNO termasuk oleh Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abu Zahar Isnin.

Abu Hassan menambah, pendedahan itu adalah kena pada tempatnya bagi menangkis segala tuduhan yang dibuat oleh Anwar kepada pimpinan kerajaan yang ada sekarang termasuk Perdana Menteri.

“Ahli UMNO perlu dedahkan pembohongan Anwar pada masa sekarang dan ini ada peluang yang sebaik mungkin kerana ia perlu bagi mengekalkan kredibiliti parti daripada terus ditohmah,” jelasnya.

Kepada satu soalan, beliau menegaskan, setakat ini, beliau masih belum menerima sebarang pendedahan rasmi mengenai tingkah laku buruk Anwar daripada ahli UMNO Selangor tetapi mengalu-alukan jika ia mempunyai kebenaran yang sah.

Terdahulu, Menteri Besar juga mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua yang beragama Hindu dan menasihati mereka supaya terus bersatu padu dengan menyokong kepimpinan kerajaan yang sedia ada.

Tambahnya, kaum India pada tahun ini agak selesa menyambut perayaan mereka kerana negara sudah bebas daripada cengkaman kegawatan ekonomi tetapi berharap rakyat mengamalkan sikap berjimat cermat.